

12 APR 2002

Mahathir-Kerajaan (Bergambar)

PILIH KERAJAAN JANGAN IKUT EMOSI - DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya memilih kerajaan secara bijak dan bukannya mengikut emosi sebagai jaminan negara ini terus dimajukan dengan jayanya.

Perdana Menteri berkata semua negara mempunyai kerajaan tetapi tidak semua kerajaan yang dipilih itu mampu untuk membangunkan negara tersebut dengan majunya.

"Kalau kerajaan yang dipilih oleh rakyat tidak mampu, maka tidak mungkin sesebuah negara itu dimajukan walaupun kita mempunyai jentera pentadbiran yang profesional dan cekap," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan di negeri Kelantan di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata semua negara mempunyai kerajaan tetapi tidak semuanya maju, umpamanya negara-negara mambangun yang kemunduran mereka dapat dilihat walaupun penduduknya cekap dan mempunyai punca kekayaan yang banyak.

"Ada yang berpendapat bahawa asalkan kita mempunyai kerajaan, maka negara tetap maju, pendapat ini berasaskan kepada pemikiran yang cetek. hanya dengan mempunyai kerajaan tidak menjamin sesebuah negara itu dapat dimajukan," katanya.

Dr Mahathir berkata negara memerlukan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang mampu membentuk dasar-dasar dan rancangan yang akan dimajukan oleh pegawai-pegawai profesional.

"Sistem demokrasi memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih siapa yang patut membentuk kerajaan, harapan sistem demokrasi ialah rakyat akan membuat pemilihan secara bijak, memilih kerana mereka tahu orang yang dipilih itu mempunyai pendirian, dasar dan kebolehan tertentu," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat sepatutnya membuat penilaian secara waras dan dengan pemikiran yang tenang menilai kebolehan pihak-pihak yang berminat untuk membentuk kerajaan.

Bagaimanapun, katanya dalam sistem demokrasi rakyat kadang-kadang memilih kerana perasaan atau emosi bukan menilai berkenaan dengan masa depan negara dan diri mereka sendiri.

Menurutnya kerana terpengaruh dengan perasaan marah dan benci, mereka membuat pilihan yang tidak bijak.

"Kerana marah kepada satu pihak mereka menolak pihak itu dan memilih pihak yang tidak mendatangkan kebaikan kepada negara dan mereka sendiri, apabila ini berlaku, maka sekali lagi kita tidak dapat memajukan sesebuah negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sejak negara mencapai kemerdekaan, kerajaan menubuhkan jentera pentadbiran yang profesional dan cekap hingga berjaya membangunkan negara yang dikagumi oleh dunia.

"Kita telah mengadakan jentera pentadbiran yang profesional dan kekal, mereka faham akan peranan dan tanggungjawab. Ini amat penting sekali kerana jika jentera pentadbiran tidak faham akan peranan dan tanggungjawabnya maka kita tidak boleh mengadakan pentadbitan yang baik," katanya.

Beliau berkata kerajaan yang dipilih oleh rakyat, boleh bertukar ganti dan tidak kekal tetapi jentera kerajaan adalah jentera yang kekal dengan mereka mematuhi arahan yang dibuat oleh pihak yang dipilih oleh rakyat sebagai kerajaan.

"Mereka tidak menyoal arahan ini kerana mereka adalah pegawai yang profesional. Mereka menjalankan tugas mereka dan kalau ada pertukaran

kerajaan, mereka akan mematuhi arahan kerajaan baru yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata inilah sistem yang diamalkan oleh Malaysia hingga menyebabkan semua urusan, rancangan dan dasar kerajaan yang dipilih dilaksanakan dengan baik dan dapat membangunkan negara.

"Alhamdulillah, di Malaysia pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan cekap, perpengatahuan, berilmu dan mampu menangani bermacam masalah yang menyerang pentadbiran sesebuah negara," katanya.

Perdana Menteri menasihati jentera pentadbiran supaya tidak terlibat dalam politik bagi mengelakkan pentadbiran kurang lancar dan akhirnya membantutkan kemajuan.

--BERNAMA

BD NAK